



Metodologi *al-Istifāḍah* (kemasyhuran) dan *al-Tasāhul* (kelonggaran) dalam Kitab Barzanji

Ahmad Mujahid Bin Abdullah

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: talaqimushtaq@gmail.com

Siti Rugayah Binti Hj. Tibek

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Universiti Sains Islam Malaysia,

Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Email: sitirugayah@usim.edu.my

Abstrak Kitab Barzanji atau nama sebenarnya *‘Iqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabiy al-Azhar* yang menjadi warisan kesenian ‘Arab diamalkan di Tanah Melayu dikritik dan dikecam kerana menukulkan cerita sirah Nabawiyah yang lemah sumber kesahihannya. Semenjak bermulanya penulisan dalam tamadun bangsa Arab pada kurun ke-2H, cerita sirah Nabawiyah yang dinukilkan sejarawan ‘Arab sehingga sekarang adalah maklumat dan cerita yang hampir sama dinukilkan oleh pengarang Kitab Barzanji. Selaras dengan

fakta tersebut, artikel ini cuba menjelaskan metodologi sejarawan ‘Arab dalam menentukan kesahihan sesuatu maklumat dan berita yang diterima khususnya cerita sirah Nabawiyyah. Artikel ini juga cuba menjelaskan metodologi penulisan persejarahan dalam kalangan sejarawan ‘Arab di awal kurun ke-2H. Daripada sumber premier persejarahan bangsa ‘Arab dan juga sumber sekunder yang digunakan, hasilan penyelidikan ini menjelaskan bahawa Kitab Barzanji atau *‘Iqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabiy al-Azhar* menggunakan metodologi *al-istifāḍah* (kemasyhuran) selepas al-Qur’an dan Sunnah yang sahih dalam menentukan kesahihan sesuatu maklumat dan cerita yang sukar dinilai kesahihannya. Dapatan juga menunjukkan bahawa sejarawan ‘Arab di awal kurun ke-2H menggunakan metodologi *al-Tasāhul* (kelonggaran) dalam penulisan maklumat dan cerita persejarahan yang sukar dinilai kesahihannya. Terutamanya maklumat dan cerita yang tidak menyentuh persoalan aqidah.

Keyword: *al-Istifāḍah*, *al-Tasāhul*, Sirah Nabawiyyah, Sejarawan Arab, Kitab Barzanji.

Abstract Kitab Barzanji, otherwise known as *‘Iqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabiy al-Azhar*, an artistic heritage of the Arab in the Malay region, has long been criticized for its weak source of authenticity in the retelling of sirah Nabawiyyah. Eversince the beginning of writing in the Arab civilization in the second year of Hijrah, the sirah Nabawiyyah, written by the Arab historians, consists of information and facts almost identical to those authored in Kitab Barzanji. In accordance with the fact, this article attempts to clarify the methods used by the Arab historians in determining the authenticity of information and facts obtained especially of the sirah Nabawiyyah. Besides this, an explanation on the method of history writing among the Arab historians in the early years of Hijrah is also brought up in the article. Based on the premier and secondary sources of the Arab history, it was found that Kitab Barzanji, or known as *‘Iqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabiy al-Azhar*, had used the method of *al-Istifāḍah* (fame), after the use of authentic al-Qur’an and Sunnah, in clarifying the genuineness of the information and stories which were found almost impossible to be validated. This finding also revealed that Arab historians as early as the second year of Hijrah had been using the method of *al-Tasāhul* (flexibility) in the writing of information

and stories which were quite difficult to ascertain its authenticity, particularly of those that did not touch upon the issues of aqidah.

Keyword: *ʿArab historians, al-Istifāḍah, al-Tasāhul, Sirah Nabawiyah, Kitab Barzanji.*

Pendahuluan

Kurun pertama dalam sejarah Islam menyaksikan maklumat dan berita tertumpu pada periwayatan dan hafalan (*al-hifẓ*). Kaedah ini menjadi asas pengumpulan maklumat, cerita dan ilmu pengetahuan sehingga kemunculan kemudahan mencatat dan merekodkan maklumat di atas lembaran (al-Damīmiy 2007). Secara khususnya masyarakat ʿArab mula mencatat maklumat dan berita pada kurun ke-2 dan ke-3H mengikut metodologi penulisan *muḥaddithīn* (al-ʿUmarīy 1990). *Muḥaddithīn* adalah merujuk kepada individu yang menjejaki salasilah jaluran setiap penyampai maklumat dan berita serta menyelidik kesahihan maklumat dan berita tersebut (seterusnya *muḥaddithīn*).

Metodologi periwayatan dan penganalisaan maklumat dan berita yang digariskan oleh *muḥaddithīn* membawa kepada pengumpulan maklumat dan berita yang terperinci dan meyakinkan dalam khazanah penulisan mereka.

Ikhbāriyyīn ialah istilah yang merujuk kepada sejarawan ʿArab kurun ke-2H sahaja (seterusnya *ikhbāriyyīn*) seperti dinukilkan oleh Dr. Akram Dia' al-ʿUmarīy (1990) sebagai menyebut bahawa *ikhbāriyyīn* telah menyediakan asas bagi kemunculan sejawaran besar seperti Khalifah bin Qiyād, Ibn Qutaybah, al-Balāzariy, Abu Hanifah al-Dainūriy, al-Ya'qūbiy, al-Masudiy dan Imam dalam bidang ini Ibn Jarīr al-Ṭabariy (al-ʿUmarīy 1990).

Dengan demikian, kebanyakan dalam kalangan sejarawan ʿArab moden yang membina maklumat dan berita persejarahan mereka adalah daripada sejarawan terkenal seperti Ibn Jarīr al-Ṭabariy dan al-Balāzariy. Begitu juga Ibn Hishām yang menyaring dan menyusun semula karangan sirah Ibn Ishāq, yang menjadi rujukan utama sirah Nabawiyah dahulu dan sekarang (Hishām 1985)

Kitab Barzanji tidak terkecuali daripada maklumat dan cerita sirah Nabawiyah yang dinukilkan turun temurun samada daripada jaluran

Ibn Hishām atau al-Wāqidiy. Namun kebanyakan teks sirah Nabawiyah yang dinukilkan Kitab Barzanji daripada al-Wāqidiy adalah dianggap *daif* (lemah) kerana al-Wāqidiy adalah tidak *thiqah* (tidak mendapat kepercayaan) oleh sesetengah *muḥaddithīn*.

Selain itu maklumat dan cerita sirah Nabawiyah yang dinukilkan oleh Kitab Barzanji juga terkandung maklumat dan cerita yang diambil melalui metodologi *al-istifāḍah* atau *al-Tasāmuʿ*.

Al-Istifāḍah atau disebut *al-tasāmuʿ* ialah berasal daripada *istafāḍa* yang bermaksud melimpah atau memenuhi. Perkataan memenuhi yang maksudkan ialah sesuatu berita atau maklumat itu sangat masyhur dan terkenal hingga memenuhi atau mencakupi setiap orang sehingga mustahil mereka keseluruhannya berpakat untuk memalsukan maklumat tersebut (seterusnya *al-istifāḍah*).

Begitu juga perkataan *al-tasāmuʿ* berasal daripada perkataan *tasāmaʿa* yang bermaksud saling mendengar sesuatu maklumat atau berita sehingga maklumat dan berita tersebut menjadi masyhur dan terkenal dalam kalangan sejarawan.

Ibn Qudāmah memperincikan penjelasan terhadap *al-istifāḍah* sebagai maklumat atau kisah yang masyhur kerana ramai perawinya dan diterima oleh sebilangan besar orang yang mendapat pengetahuan tentang maklumat dan berita tersebut. Ibn Qudamah telah memetik penjelasan ini daripada al-Qhirāqi yang asalnya mendefinisi *al-istifāḍah* sebagai berita dan maklumat yang tersemat dihati, disaksikan sepertimana berita dan maklumat pada nasab dan kelahiran (Ibn Qudāmah 1998 hlm 142).

Perkembangan *al-istifāḍah* sebagai metodologi dikesan daripada epistemologi dan metodologi yang digunapakai oleh *muḥaddithīn*. Kemudian wujud istilah *mustafiḍ ala had al-tawātur* (masyhur ditahap tawatur) dalam kalangan *ikhbārīyyīn* bagi merujuk kepada maklumat atau berita yang masyhur sehingga mencapai tahap *tawātur* pada kemasyhurannya. *Al-Tawātur* bermaksud mustahil keseluruhan mereka memalsukan maklumat dan berita oleh sebab kemasyhurannya dari satu generasi ke satu generasi selepasnya (Ibn Qudāmah 1998. hlm 666).

Untuk mendekatkan pemahaman terhadap metodologi ini, boleh disimpulkan secara ringkas bahawa berita dan maklumat yang diambil dengan jalan *al-istifāḍah* perlu memenuhi tiga peringkat intensiti berikut secara tabie:

1. Maklumat dan berita yang dibuktikan (*dinaskan*) dengan *al-istifāḍah* perlu terlebih dahulu masyhur.
2. Maklumat dan berita yang dibuktikan (*dinaskan*) dengan *al-istifāḍah* perlu diterima atau didengari oleh sebilangan besar sehingga maklumat dan berita tersebut membentuk suatu ilmu yang diyakini.
3. Maklumat dan berita yang dibuktikan (*dinaskan*) dengan *al-istifāḍah* tersebut tidak pula dinafikan atau dithabitkan oleh pihak lain.

Dalam masyarakat yang menjadikan riwayat sebagai medium menyampaikan maklumat dan cerita sejarah, metodologi *al-istifāḍah* terbentuk secara tabie apabila suatu peristiwa berlaku dan menjadi perbualan masyarakat serta tersebar dimulut orang yang baik atau jahat dalam kalangan mereka. Maklumat dan berita dari peristiwa tersebut diketahui umum, tidak disangkal oleh mana-mana pihak. Disampaikan dari satu generasi ke satu generasi menjadikan maklumat dan berita ini lebih kuat dan *thabit* penghujahannya.

Penghujahan *Al-Istifāḍah*

Penghujahan *al-istifāḍah* atau kesaksian bahawa suatu maklumat dan berita samada *sahih* atau sebaliknya adalah merujuk kepada *al-istifāḍah* sebagai intrumen yang bersifat deduktif bagi menentukan maklumat dan berita yang tidak mungkin dibuktikan kesahihannya samada melalui riwayat atau *simā^c* tapi masyhur periwayatannya.

Asas metodologi ini ditandai oleh Allah SWT dalam firman-Nya dalam surah al-Baqarah (2:146): *Mereka mengenali Nabi Muhammad saw sepertimana mereka mengenali anak-anak mereka.* Ayat ini menunjukkan bahawa orang-orang Yahudi mengenali Nabi Muhammad saw sebelum Nabi saw dilahirkan lagi ke dunia ini sepertimana mereka mengenali anak-anak mereka yang hidup bersama mereka ketika itu. Maklumat dan berita yang membentuk pengetahuan yahudi dan nasrani terhadap Nabi saw adalah melalui *al-istifāḍah* yang dijelaskan dalam ayat ini sebagai ilmu

pengetahuan yang yakin. Keyakinan yang dikira sebagai ilmu pengetahuan ini tidak mensyaratkan kesaksian seperti Yahudi dan Nasrani tidak menyaksikan nabi saw. Tetapi mereka mengenali-Nya sama seperti mereka mengenali anak-anak mereka sendiri kerana kemasyhuran baginda saw.

Maka maklumat dan berita persejarahan yang tidak disaksikan, yang hanya diriwayatkan melalui *al-istifāḍah* adalah pada hakikatnya *ẓanny* (sangkaan). Namun demikian *ẓanny* (sangkaan) dalam syarat *al-istifāḍah* merupakan ilmu yang yakin pada kedudukannya berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah (60:10) *Maka jika kamu telah mengetahui bahawa mereka (perempuan) beriman*. Ayat ini menjelaskan bahawa maklumat dan berita yang membentuk pengetahuan secara *ẓanny* (sangkaan) adalah diambil kerana tidak terdapat jalan lain untuk mengetahuinya. Ini kerana keimanan mereka (perempuan) tersebut tidak dapat diketahui kerana keimanan itu adalah pegangan di dalam hati yang tidak diketahui kecuali Allah SWT.

Maklumat dan berita yang diambil dengan jalan *al-istifāḍah* dibahaskan oleh *fuqaha'* dalam topik berkaitan kesaksian dan saksi. Antaranya Iman al-Shāfi'e mengharuskan kesaksian orang buta dengan *al-istifāḍah* (al-Zuhailiy 1979 hlm 267). Al-Khatīb al-Sharbīniy (1998 hlm 569) dalam kitabnya *muḥniy al-Muhtāj* melontarkan komentar terhadap *al-istifāḍah* sepertimana petikan berikut:

“Kerana al-istifāḍah merupakan perkara yang bersifat lama dan panjang berabad-abad. Lantas kerana lama dan panjangnya masa menyukarkan pembuktian pada permulaannya. Maka keadaan ini menuntut keperluan untuk menthabitkannya melalui al-istifāḍah. Seseorang tidak akan mengesyaki bahawa Aishah r.a adalah isteri Rasulullah saw dan Fatimah adalah anak perempuan baginda tanpa ada sandaran selain hanya simā' (mendengar)”.

Namun demikian para *fuqaha'* mengakhiri perbincangan topik ini dengan persepakatan bahawa maklumat dan berita yang diambil melalui *al-istifāḍah* tidak mensyaratkan kesaksian dalam mengabsahkannya.

Ibn Munzir mengemukakan komentar bahawa seandainya disyaratkan kesaksian pada *al-istifāḍah* pasti seseorang tidak akan

mengetahui ibubapa atau saudaranya dan banyak perkara lain lagi dalam kehidupan manusia. Terdapat satu riwayat daripada al-Marūziy bahawa Imam Ahmad menyatakan kesaksian *al-istifāḍah* secara ringkas sepertimana berikut (Ibn Qudāmah 1998 Hlm 132):

Saksikan aku akan berkata: Sesungguhnya Fatimah adalah anak perempuan Rasulullah saw, dan sesungguhnya Khadijah dan Aishah adalah dua orang isteri baginda. Semua orang menyaksikan perkara tersebut tanpa perlu kesaksian.

***Al-Istifāḍah* dalam Kitab Barzanji.**

Al-Khatīb al-Sharbīniy (1998 hlm 569) dalam kitabnya *Mughniy al-Muḥtāj*, telah menggariskan beberapa maklumat penting berkaitan dimensi dan cakupan *al-istifāḍah* dengan katanya bahawa;

....“Masih terdapat masalah yang boleh dikaitkan dengan al-istifāḍah dalam dimensi yang berbeza iaitu kehakiman, al-jarḥ wa al-ta’dīl, kematangan, pusaka, hak zakat dan penyusunan”....

Limitasi *al-istifāḍah* seperti dinyatakan oleh al-Khatīb al-Sharbīniy adalah mencakupi disiplin ilmu *al-jarḥ wa al-ta’dīl* atau ilmu berkaitan pengkelasan dan penambahbaikkan sanad dan matan hadith yang hampir mencecah dua puluh disiplin ilmu secara berasingan (seterusnya *al-jarḥ wa al-ta’dīl*).

Dengan demikian selain *fuqaha’*, *ikhbāriyyīn* juga menggunakan *istifāḍah al-mashhurah* (maklumat dan cerita yang sangat masyhur diketahui umum) sebagai dalil (*nas*) dalam persejarahan sirah Nabawiyyah. Metodologi *al-istifāḍah* merupakan salah satu sumber persejarahan yang digunapakai oleh *ikhbāriyyīn* untuk menentukan kesahihan maklumat dan cerita. Dengan metodologi ini maklumat dan berita periwayatan sirah Nabawiyyah diluaskan cakupannya kerana faktor berikut:

- a) Menghadkan penghujahan *al-istifāḍah* membawa kepada kesulitan dan kesukaran dalam mengisi kelompongan sejarah yang dinukilkan oleh sebilangan sejawaran tanpa telahan atau penafian daripada pihak lain.

- b) Menghadkan penghujahan *al-istifādah* tanpa dalil (*nas*) adalah berlawanan dengan prinsip syara *raf'u al-ḥaraj* (mengangkat kepayahan) dan mengaitkan yang mutlak tanpa dalil (*nas*).

Penggunaan metodologi *al-istifādah* dalam periwayatan cerita sirah Nabawiyah khususnya cerita *maulid al-nabawiy* (kelahiran Nabi saw), mewakili beberapa maklumat dan cerita yang diambil daripada *ṣaḥīḥ* atau *al-mūbaẓān* (dukun atau bomoh) pada asalnya.

Kebanyakan cerita maulid yang dikarang oleh ulama Islam bermula dari pada tahun 233H oleh Abu Abdullah Muhammad Bin °A'iz al-Qurshiy sehingga tahun 1395H oleh Muhammad al-°Abid bin °Abdullah al-Fāsik, menukilkan teks (*naṣ*) cerita yang sama dinukilkan generasi ke generasi (al-°Iraqiy 2010).

Kitab Maulid Barzanji atau nama sebenarnya °*Iqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabiy al-Aẓhar* sebagai contoh menukilkan cerita kelahiran Nabi saw sepertimana nukilan berikut (al-Barzanjiy (t.t):

Setelah baginda berusia dua belas tahun Abu Talib membawa-Nya bersama-sama ke negeri Sham. Seorang pendita Yahudi yang bernama Bahira mengenali baginda dengan tepat dengan melihat sifat-sifat kenabian baginda. Pendita itu berkata "sungguh aku mengerti bahawa anak muda ini adalah penghulu bagi sekalian alam dan bakal menjadi rasul dan nabinya. Aku telah melihat sephohon kayu dan batu sujud kepada-Nya. Padahal pohon dan batu tidak akan sujud kecuali kepada nabi yang hampir kepada Allah SWT. Dan sesungguhnya kami menjumpai sifat-sifat-Nya dalam kitab-kitab langit yang terdahulu. Dan diantara dua tulang belikat-Nya terdapat Khātam al-Nubuwwah (tanda kenabian). Pendita itu menyarankan agar Abu Ṭalib membawa pulang baginda ke Makkah kerana takut diganggu oleh orang Yahudi. Maka dengan segera Abu Ṭalib membawa baginda pulang sebelum sempat melepasi Buṣra di negeri Shām (Damashq).

Riwayat ini dipetik menceritakan perjalanan baginda saw dengan bapa saudara baginda Abu Ṭalib ke Shām daripada Kitab Maulid Barzanji karangan Ja°far bin Hasan al-Barzanjiy (t.t) sekitar tahun 1150H.

Kisah ini juga diceritakan oleh Ibn Kathīr (1990 Hlm 298) dalam kitabnya *al-Bidāyat wa al-Nihāyat* dan melontarkan komentar berkaitan kesahihan kisah ini sebagai kisah yang masyhur disebut-sebut, maka kisah ini diambil dengan jalan *al-istifāḍah*.

Metodologi *al-istifāḍah* agak meluas pengujahannya dalam maklumat dan cerita yang terlalu lama dan jauh untuk dibuktikan kesahihannya. Cerita dan maklumat tersebut menjadi masyhur dan terus dinukilkan kerana punyai asas dan sandaran yang tersendiri. Sampel petikan berikut memperincikan perbincangan *al-istifāḍah* yang dipetik daripada Kitab Barzanji menceritakan perkara-perkara pelik sebelum kelahiran baginda saw (al-Barzanjiyy t.t)

وَنَطَقَتْ بِحَمْلِهِ كُلُّ دَابَّةٍ لِقُرَيْشٍ بِفَصَاحِ الْأَلْسِنِ الْعَرَبِيَّةِ، وَخَرَّتِ
 الْأُسْرَةُ وَالْأَصْنَامُ عَلَى الْوُجُوهِ وَالْأَفْوَاهِ، وَتَبَاشَرَتْ وَحُوشُ
 الْمَشَارِقِ وَالْمَغَارِبِ وَدَوَابُّهَا الْبَحْرِيَّةِ، وَاحْتَسَتِ الْعَوَالِمُ مِنَ
 السُّرُورِ كَأَسْ حُمَيَّاهُ، وَبَشَّرَتِ الْجِنُّ بِإِظْلَالِ زَمَانِهِ وَأَنْتَهَكَتْ
 الْكَهَانَةَ وَرَهَبَتِ الرَّهْبَانِيَّةَ، وَلَهَجَ بِحَبْرِهِ كُلُّ حَبْرٍ حَبِيرٍ وَفِي حُلَا
 حُسْنِهِ تَاهُ، وَأُتِيَتْ أُمُّهُ فِي الْمَنَامِ فَقِيلَ لَهَا أَنْتَ كَدَّ حَمَلْتِ بِسَيِّدِ
 الْعَالَمِينَ وَخَيْرِ الْبَرِيَّةِ، وَسَمِيَهُ إِذَا وَضَعْتَهُ مُحَمَّدًا لِأَنَّهُ سَتُحَمَّدُ
 عُقْبَاهُ

Maksudnya:

Segala binatang peliharaan kaum Quraysh memperkatakan kehamilan Aminah dengan Bahasa °Arab yang fasih. Istana raja-raja dan berhala-berhala jatuh tersungkur menyembah bumi. Binatang-binatang liar di seluruh pelusuk bumi timur dan barat serta binatang-binatang laut bergembira riang. Alam semesta berpesta riang gembira. Jin juga bergembira dengan hampir masa kelahiran-Nya dan tukang nujum kebingungan serta para pendita menjadi ketakutan. Pendita Yahudi juga memperkatakan tentang

kelahiran-Nya, Mereka terpinga-pinga dengan kelahiran-Nya. Ibu-Nya Aminah bermimpi didatangi orang yang mengatakan kepadanya; “Sebenarnya engkau telah hamil”. Katanya lagi; “Apabila engkau melahirkan-Nya berikanlah nama-Nya Muhammad kerana ia akan dipuji dan disanjung”.

Cerita ini dipetik oleh penulis Kitab Barzanji daripada sumber periwayanan yang terdapat banyak kecacatan dari sudut metodologi periwayanan *muḥaddithīn* sepertimana dibincangkan oleh sejarawan dan ulama Islam khususnya *al-jarḥ wa al-taʿdīl*. Kecacatan pada kisah ini termasuk kecacatan pada teks (*matan*) sebagai palsu atau rekaan semata-mata dan kecacatan pada rawi sebagai tidak dikenali (*majhūl*), sangat lemah (*wāhin jiddān*) atau rawi tidak diambil pandangannya sebagai hujjah (*matruk*) khususnya al-Wāqidīy dalam menceritakan kisah ini (al-ʿUmariy 1994).

Namun demikian kebanyakan penulis kisah maulid sepanjang sejarah menukilkan cerita ini daripada *ikhbārīyyīn* secara turun temurun dalam penulisan mereka. Kisah ini menjadi mashhur dalam kalangan *ikhbārīyyīn* sehingga dinukilkan oleh sejaran ʿArab dalam penulisan mereka adalah kerana kemashuran kisah ini yang diwarisi dari generasi ke generasi.

Kisah ini berasal daripada satu riwayat daripada Ibn ʿAbbas yang dinukilkan oleh al-Qustullāniy (1991) dalam *al-Mawāhib al-Laduniyyah bi al-Minah al-Muhammadiyyah* dan al-Suyūṭiy (1988) bahawa segala binatang peliharaan kaum Quraysh memperkatakan kehamilan Aminah dengan Bahasa ʿArab yang fasih. Namun demikian al-Qustullāniy dan al-Suyūṭiy sendiri menyatakan bahawa cerita ini adalah munkar dan sangat *ḍaif*.

Sedikit berbeza dengan komentar yang dibuat oleh Jalal al-Din al-Suyūṭiy tentang kisah ini dalam kitabnya *al-Qaṣāʾis al-Sughrā* menyebut bahawa antara keistimewaan (*al-qaṣāʾis*) Rasulullah saw ialah jatuhnya berhala dengan kelahiran baginda saw. Sepertimana diriwayatkan berlaku sebelum kelahiran Nabi Isa a.s suatu ketika dulu (al-Barzanjiy 2001).

Disamping itu terdapat juga riwayat-riwayat lain yang *sahih*, yang

terkandung makna dan cerita yang hampir sama menjadikan tahap nilai kesahihan kisah ini kepada *hasan* (baik). Contohnya kisah Aminah ibu baginda saw yang melihat cahaya yang keluar daripadanya memenuhi istana Buṣra di Negeri Shām ketika melahirkan Baginda saw. Kisah ini secara jelas dikeluarkan oleh Ibn Ishāq dari jaluran rawi Saur bin Yazīd daripada Khalid bin Maʿdan daripada Sahabat Rasulullah saw. Kata mereka (Sahabat) tentang kesahihan kisah ini seperti berikut:

قالوا: هذا إسناد حسن

Maksudnya:

Kata mereka (Sahabat): kisah ini jaluran rawinya adalah baik.

Ibn Ishāq secara terang meriwayatkan kisah ini dan beliau adalah orang yang benar dipercayai. Diperhatikan juga bahawa riwayat ini datang daripada Sahabat dalam bentuk ramai (*jamaʿ*) menunjukkan bahawa kisah ini mashhur dalam kalangan generasi Sahabat. Semua Sahabat adalah benar. Kisah yang mashhur dalam generasi yang mashhur adalah diterima sebagai *al-istifāḍah al-mashhūrah*. Disebabkan kesulitan menentukan nilai kesahihan kisah ini, kemashurannya adalah sebagai ganti kepada *sanad*.

Kesinambungan *al-istifāḍah* dalam menukulkan kemasyhuran cerita sejarah terus diwarisi oleh pentahqiq dan penulis sejarah hingga ke hari ini kerana semata-mata kemasyhuran kisah tersebut. Kekuatan daya hujah *al-istifāḍah* sebagai metodologi menuliskan sejarah ʿArab terus diwarisi sebagai menghargai tinggal estetika kurun lalu. Pentahqiq kitab *al-Mawāhib al-Laduniyyah fī Minaḥ al-Muḥammadiyyah* Muḥammad Šāleh al-Shāmiy turut menggunakan *al-istifāḍah* bagi menjelaskan kesahihan cerita yang berlaku sewaktu kelahiran baginda saw sepertimana katanya: *Sesungguhnya kisah ini disebut sebagai peringatan bahawa kisah ini mashhur dalam kitab-kitab maulid* (al-Qustullāniy 1991 Hlm 564).

Berdasarkan telahan ini dan ulasan yang dikemukakan sebelum ini, tersirat satu metodologi lain dalam periwayatan maklumat dan cerita sirah Rasulullah saw hasil daripada soalan yang dilontarkan sepertimana berikut. Bagaimanakah boleh dinukilkan maklumat dan berita seumpama ini sedangkan sangat jelas ketidakpastian sumber dan asasnya. Perbincangan

selanjutnya menjawab persoalan yang dikemukakan.

Metodologi *Al-Tasāhul* (Kelonggaran) dalam Kalangan *Muḥaddithīn* dan *Ikhbāriyyīn*

Al-Tasāhul berasal daripada perkataan *tasāhala* yang bermaksud melonggar sesuatu agar lebih lembut dan bertolak ansur dalam menentukan nilai kesahihan suatu maklumat dan cerita (Ahmad Abid, Daud Abduh etc. t.t). Metodologi ini terkenal dalam pengamalan *fuqaha'* dan sejarawan ʿArab dalam periwayatan maklumat dan berita persejarahan yang sukar ditentukan nilai kesahihannya.

Biarpun berbeza epistemologi di antara persejarahan dan perundangan, namun ianya berkongsi wadah dari sudut bentuknya iaitu tekstual maklumat dan berita berkaitan sesuatu yang telah berlaku dan mungkin berulang. Untuk menzahirkan kedua-dua elemen ini dengan lebih jelas, perbezaan berikut dapat mendekati pemahaman di antara riwayat *muḥaddithīn* dan riwayat *ikhbāriyyīn*.

- a) Maklumat dan cerita mengikut metodologi *muḥaddithīn* dibina sebagai hukum dan dilaksanakan hukuman berdasarkan riwayat tersebut. Oleh yang demikian *muḥaddithīn* mengetatkan syarat penerimaan riwayat berkaitan hukum hakam dan melonggarkan syarat penerimaan riwayat persejarahan yang tidak melibatkan hukum hakam. Imām al-Kāfijiy (1990 Hlm 64) dinukilkan sebagai menyebut sepertimana berikut:

“Harus bagi sejarawan untuk meriwayat dalam sejarahnya kata-kata yang ḍaif dalam bab menggalakkan, menakutkan dan mengambil pengajaran beserta peringatan kepada keḍaifan hadith tersebut. Tetapi tidak harus bagi sejarawan meriwayatkan maklumat dan cerita berkaitan Zat Allah Azza wa Jalla, sifat-sifat-Nya dan juga hukum hakam”.

Pendapat yang sama dipegang oleh al-Khatīb al-Baghdādiy, Imām Ahmad bin Hanbal r.a dan Imām al-Baihaqiy. Begitu juga pendapat yang sama dinukilkan daripada Ibn Muʿīn, Ibn Mubārak, al-Sufyānayn dan lain-lain lagi r.a. (al-Bukhāriy 1995).

Hikmah persepakatan ini dapat dilihat daripada ulasan Dr.

Akram Dia al-ʿUmari (1990) sebagai berkata:

“Adapun mensyaratkan kesahihan mengikut (metodologi) Muḥaddithīn dalam menerima berita persejarahan yang tidak menyentuh aqidah dan syariat merupakan taʿāsuf (satu bentuk kezaliman) yang banyak. Bahaya yang terhasil daripadanya besar kerana riwayat persejarahan yang dicatatkan oleh sejarawan kita tidak dikendalikan mengikut kendalian hadith. Bahkan dipermudahkan padanya. Apabila kita menolak metodologi mereka, maka kitaran yang kosong dalam sejarah kita menyerupai jurang yang jauh antara kita dan masa yang lepas yang melahirkan kehairanan, kemusnahan, perpecahan dan keterbatasan”.

- (b) Maklumat dan cerita mengikut metodologi *muḥaddithīn* digunapakai sebagai pegangan aqidah. Berbeza dengan riwayat *ikhbāriyyīn* yang digunapakai dalam bab *Faḍāil al-ʿAḥmāl* dan seumpamanya sahaja. Imam al-Baihaqiy (1997) menjelaskan metodologi ini sebagai berkata;

“Apabila kami meriwayat tentang pahala dan dosa serta fadilat amal, kami permudahkan dan bertolak ansur terhadap sanad dan perawinya. Apabila kami meriwayatkan tentang halal dan haram serta hukum hakam, kami perincikan sanad dan kami kritik perawinya”.

Biarpun metodologi ini terbentuk daripada kerangka kaedah *muḥaddithīn* terhadap periwayatan hadith Rasulullah saw. Namun beberapa riwayat berkaitan sirah Nabawiyyah termasuk dalam perkara yang dilonggarkan syarat penerimaannya oleh *muḥaddithīn* disebabkan faktor berikut:

- a) *Takalluf* (Bebanan) serta kesulitan dalam memastikan kesahihannya.
- b) *Ikhbāriyyīn* tidak mementingkan *sanad* dalam meriwayat maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah. Cerita sirah Nabawiyyah yang dibawa oleh *ikhbāriyyīn* luas cakupannya meliputi cerita maulid ketika Nabi saw belum dilahirkan lagi.

Oleh yang demikian, kesukaran memastikan kesahihan riwayat

cerita sirah Nabawiyyah menyebabkan ulama tidak begitu mengambil berat dengan kedudukan riwayat ini. Pendirian seumpama ini sangat jelas dalam penulisan Ibn Hishām (Ibn Ishāq) dan Ibn Kathīr dalam *Bidāyat al-Nihāyat* (al-^UUmarīy 1990).

Dengan demikian selain mengandungi riwayat yang *sahih*, teks persejarahan sirah Nabawiyyah juga terdapat riwayat yang *ḍaif* dan sangat *ḍaif*. Metodologi ini diterima pakai oleh *ikhbāriyyīn* dan sejarawan ^UArab dalam penulisan mereka. Bahkan turut digunakan oleh *muḥaddithīn* seperti Imām Bukhāriyy dalam kitabnya *al-Adab al-Mufrad* (al-Bukhāriy 1998.).

Daripada perbincangan yang dikemukakan, berikut adalah jadual ringkas (Jadual 1.0) yang menjelaskan perbezaan di antara metodologi *muḥaddithīn* dan *ikhbāriyyīn* dalam menentukan kesahihan maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah

Jadual 1.0 Jadual perbezaan metodologi *muḥaddithīn* dan *ikhbāriyyīn* dalam menentukan kesahihan maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah

Bil.	Metodologi <i>Muḥaddithīn</i>	Metodologi <i>Ikhbāriyyīn</i> :
1.	Maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah lebih tertumpu pada persoalan aqidah dan syariat (hukum hakam) Sahaja.	Maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah lebih tertumpu pada <i>faḍāil al-ʿamāl</i> (kelebihan amal) dan persejarahan sahaja.
2.	Memberi perhatian terhadap sirah Nabawiyyah secara khusus.	Kurang mengambil berat terhadap sirah Nabawiyyah secara khusus.
3.	Kebanyakan <i>sanad</i> maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah yang bersambung dengan perawi atau peristiwa yang berlaku.	Kebanyakan <i>sanad</i> maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah yang <i>mursal</i> dan <i>munqatīʿ</i> .
4.	Perawi maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah yang dikenali dalam kitab <i>al-tarājīm</i> (biografi).	Perawi maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah kurang dikenali.
5.	Kebanyakan sumber maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah yang diyakini kesahihan riwayatnya	Kebanyakan sumber maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah yang diragui kesahihan riwayatnya.

6.	Mudah dikesan kesahihan Maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah yang diriwayatkan	Sukar dikesan kesahihan Maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah yang diriwayatkan.
7.	Memusatkan maklumat dan cerita berkaitan Nabi SAW sahaja.	Luas cakupan persejarahannya merentasi skop sirah Nabawiyyah.

Penutup

Metodologi *al-istifāḍah* (kemasyhuran) dan *al-tasāhul* (kelonggaran) diterima pakai oleh *muḥaddithīn* dan *ikhbāriyyīn* dalam penulisan mereka. Khususnya berkaitan maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah yang sukar dinilai kesahihannya. Para *fuqaha'* juga menggunakan metodologi ini sebagai instrumen sekunder selepas al-Qur'an dan Sunnah yang *sahih* dalam menentukan kesahihan sesuatu maklumat yang sukar dinilai kesahihannya. Terutamanya maklumat dan cerita yang tidak melibatkan persoalan aqidah.

Dengan demikian selain mengandungi riwayat yang *sahih*, teks persejarahan sirah Nabawiyyah juga terdapat riwayat yang *ḍaif* dan sangat *ḍaif* kerana kesukaran dan kesulitan untuk menilai kesahihannya oleh *muḥaddithīn* dan *ikhbāriyyīn* semenjak kurun ke-2H lagi.

Kitab Barzanji atau nama sebenarnya *ʿIqd al-Jauhar fī Maulid al-Nabiy al-Aẓhar* yang masyhur diamalkan dalam masyarakat Islam di Malaysia menukilkan maklumat dan cerita sirah Nabawiyyah daripada sejarawan terdahulu yang sukar dinilai kesahihannya berdasarkan metodologi ini.

Daftar Pustaka

- Al-Qurān al-Karīm. Terjemahan. Kuala Lumpur, Pustaka Antara Sdn Bhd. 2007.
- Ahmad al-°Āyid, Dawud °Abduh (Dr.) et al. *Al-Mu°jam al-°Arabiy al-Asāsiy*. t.tp. Al-Munazzamah al-°Arabiyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-°Ulūm. 1999.
- al-Bukhāriy. Mohammad Bin Isma°il Bin Ibrāhīm. *Da°if Adab al-Mufrad li al-Imam al-Bukhāriy*. Cet. 4. Mamlakah al-Arabiyah al-Sa°ūdiyyah. Maktabah al-Dalīl. 1998.
- al-Bukhāriy. *Faḍ Allah al-°amad fī al-Tauḍīh al-Adab al-Mufrad*. Tahqīq Faḍ Allah al-Jaylāniy. t.tp. 1995.
- al-Qustullāniy, Shihābuddin Ahmad Bin Muhammad. *al-Mawāhib al-Laduniyyah bi al-Minah al-Muhammadiyah*. Tahqīq Muhammad Ṣāleh al-Shāmiy. Beirut. Maktabah al-Islāmiy. 1991.
- al-Barzanjiy, Ja°afar bin Ismā°il. *Kawkab al-Anwār ala °Iqh al-Jawhar fī Maulid al-Nabiy al-Azhar*. 1899. Tahqīq Nādiy faraj Darwish. Qāherah. Markaz Bin al-°Aṭṭar li al-Turāth. 2001.
- al-Barzanjiy, Ja°afar bin Hasan. *Majmū°ah al-Mawālid wa Ad°iyyah: Sharaf al-Anām Barzanji Nathar wa Barzanji Nazam*. t.tp. Maktabah wa Maṭba°ah Muhammad al-Nahdiy wa Aulāduhu. (t.t).
- Bassām Nahar al-Batūn al-Jabūr. *Al-Ithbāt bi al-Shahādah Baina al-Fiqh al-Islāmi wa al-Qaḍā' al-Ashāiriyy al-Urduniyy*: Dirāsah Muqāranah. Cet. 1. °Ammān. Dār Yafa al-ilmiyah li al-Nashr wa al-Tauzi°. 2010.
- al-Damīmiy, Musaffar Qharm Allah. *Marwiyyāt al-Sīrah al-Nabawiyah Baina Qawā°id al-Muḥaddithīn wa Riwāyāt al-Ikhbāriyyīn*. Riyadh. 2007.
- Ibn Qudāmah, al-Maqdisiy Abi Muḥammad °Abdullah bin Ahmad. *Al-Mughniy*. Jil. 6. Cet. 3. Tahqīq Dr. °Abdullah bin °Abd al-Muhsin al-Turkey dan Dr. °Abd al-Fattaḥ Muḥammad. Riyāḍ. Dār °Alīm al-Kutub li al-Ṭibā°ah wa al-Nashr wa al-Tauzi°. 1998.
- Ibn Hishām, Abu Muḥammad °Abd al-Malik Bin Hishām Bin °Ayyūb al-Himyāri. *Tahdhīb Ibn Hishām*. Tahqīq °Abd al-Salām Hārūn. Kuwait. Dār Buḥūth al-°Ilmiyyah. 1985.

- Ibn Khatīr, Abu al-Fida' Ismail al-Damashqiy. *Al-Bidāyat wa al-Nihāyat*. Edi ke-3. Beirut. Maktabah al-Ma'arif. 1990.
- al-ʿIragiy, ʿAbd al-Raḥman bin Husayn. *al-Maulid al-Haniy fi al-Maulid al-Saniy*. Taḥqīq ʿUmar Bin al-ʿArabiyy al-ʿAmiriyy. Cet. 1. t.tp. Dār al-Salām li al-Ṭibāah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ wa al-Tarjamah. 2010.
- al-Kāfiyy. *Al-Mukhtaṣar fi al-ʿIlm al-Tārikh*. Taḥqīq Muḥammad Kamāl al-Dīn ʿIz al-Dīn. t.tp. ʿĀlām al-Kutub li al-Ṭibāah wa al-Nashr wa al-Tauzīʿ. 1990.
- al-ʿUmariyy, Akram Ḍiyāʾ (Prof Dr.). *Marwiyyāt al-Sīrah al-Nabawīyyah: Baina Qawāʿid al-Muḥaddithīn wa al-Riwāyat al-Ikḥbāriyyīn*. Riyāḍ. 1990.
- al-ʿUmariyy, Akram Ḍiyāʾ (Prof Dr.). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Ṣāḥiḥah, Muḥāwalah li Taṭbīq Qawāʿid al-Muḥaddithīn fi Naqd Riwāyat al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Cet ke-6. Jil.1. Madinah al-Munawwarah. Maktabah al-ʿUlum wa al-Hikam. 1994.
- al-Suyūṭiy, ʿAbd al-Raḥmān Bin Abi Bakr. *Tahzīb al-Khaṣāʾis al-Nabawīyyah al-Kubra*. Taḥqīq: al-Shaykh ʿAbdullah al-Talīdiy. Cet. 2. Lubnan. Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ. Beirut. 1988.
- al-Sharbīniyy, Shamsuddīn al-Khaṭīb. *Al-Mughniyy al-Muhtāj ila Maʿrifat Maʿāniy Alfāz al-Minhāj*. Beirut. Dār al-Maʿrifah. 1998.
- al-Zahrāniyy, Ḍaif Allah Bin Yahya. *Maṣādir al-Sīrah al-Nabawīyyah: Dirāsāt al-Tahlīliyyah li al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Riyāḍ. 2001.
- al-Zuhailiy, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*. Jil. 6. Beirut. Dar al-Fikr. 1979.